

60 m

40 km

**NAMA PENUH 30 LEBUHRAYA DI
MALAYSIA,
HARI-HARI GUNA TAPI RAMAI
MASIH TAK TAHU**

LEBUHRAYA UTARA SELATAN (PLUS)



Lebuhraya Utara Selatan atau North South Expressway (PLUS)
merupakan laluan sepanjang 823 kilometer (km).

Lebuhraya ini pertama kali dilancarkan (dibuka kepada orang awam) pada tanggal 9 Ogos 1994. PLUS merupakan konsesi Projek Lebuhraya Usahasama Berhad.

LEBUHRAYA LALUAN KEDUA MALAYSIA-SINGAPURA (LINKDUA)



Sering disebut dengan singkatan LINKDUA, Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura atau Second Link Expressway ini telah dibuka pada 2 Februari 1998.

Lebuhraya ini hanya mempunyai laluan sepanjang 47 km. Sama seperti PLUS, LINKDUA juga merupakan konsesi Projek Lebuhraya Usahasama Berhad.

LEBUHRAYA SHAH ALAM (KESAS)



Berukuran 34.5 km, Lebuhraya Shah Alam atau Shah Alam Expressway (KESAS) dilancarkan pada tahun yang sama dengan LINKDUA, iaitu 12 Januari 1998.

Projek lebuhraya ini adalah di bawah KESAS Sdn Bhd.

LEBUHRAYA UTARA SELATAN HUBUNGAN TENGAH (ELITE)



Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah atau North South Expressway Central Link (ELITE) telah dibuka kepada orang awam sejak 16 Oktober 1997.

Laluan lebuhraya ini adalah sepanjang 63 km dan merupakan Projek Lebuhraya Usahasama Berhad.

LEBUHRAYA CHERAS KAJANG (GRAND SAGA)



Lebuhraya Cheras Kajang (Grand Saga) atau Cheras Kajang Expressway mula dilancarkan pada 15 Januari 1999.

Laluan sepanjang 11.5 km ini adalah projek Grand Saga Sdn Bhd.

LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KARAK (KLK)



Popular dengan panggilan KLK, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak atau Kuala Lumpur-Karak Expressway mempunyai laluan sepanjang 60 km.

Lebuhraya ini telah diperkenalkan kepada orang awam pada 30 September 1999. Ia merupakan hasil kerja dan di bawah seliaan ANIH Berhad.



LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 1 (LPT 1)

Bagi yang sering pulang atau bergerak ke negeri-negeri di pantai timur pastinya sinonim dengan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1).

LPT 1 antara lebuhraya yang mempunyai jarak yang jauh, iaitu 174 km. Laluan ini mula dilancarkan pada 1 Ogos 2004.



LEBUHRAYA PANTAI TIMUR FASA 2 (LPT 2)

Selain LPT 1, terdapat lagi lebuhraya yang dibina merentasi negeri-negeri Pantai Timur. Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 atau East Coast Expressway phase 2 (LPT 2) ini lebih panjang berbanding lebuhraya fasa 1, dengan 184 km.

Laluan ini mula dilancarkan pada 22 November 2011 dan merupakan projek Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn Bhd.



LEBUHRAYA LINIKARAN LUAR BUTTERWORTH (LLB)

Terletak di negeri Pulau Pinang, Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (LLB) atau Butterworth Outer Ring Road telah dilancarkan pada 7 Disember 2005.

Laluan ini mempunyai jarak 18.89 km dan merupakan projek Lingkaran Luar Butterworth (Penang) Sdn Bhd.

LEBUHRAYA SUNGAI BESI (BESRAYA)



Lebuhraya Sungai Besi atau Sungai Besi Expressway (BESRAYA) telah dibuka pada 14 Januari 1999. BESRAYA mempunyai laluan sepanjang 28.89 km.

Lebuhraya ini merupakan konsesi Besraya (M) Sdn Bhd.

LEBUHRAYA PANTAI BAHARU (NPE)



Lebuhraya Pantai Baharu atau New Pantai Expressway (NPE) hanya berjarak 19.6 km.


Ia mula dilancarkan pada 2 April 2004 dan di bawah tanggungjawab New Pantai Expressway Sdn. Bhd.

LEBUHRAYA DAMANSARA-PUCHONG (LDP)



Antara laluan panas yang digunakan oleh warga kota bergerak atau ulang-alik dari tempat kerja. Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) atau Damansara-Puchong Expressway mempunyai laluan sepanjang 40 km. Laluan ini telah dilancarkan kepada orang awam sejak 25 Januari 1999 dan di bawah seliaan Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd.

LEBUHRAYA BERTINGKAT AMPANG-KUALA LUMPUR (AKLEH)



Hanya berjarak 7.9 km, Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH) atau Ampang-Kuala Lumpur Elevated Highway ini telah dibuka pada 17 Mei 2001.

Ia adalah hasil usaha Projek Lintasan Kota Sdn Bhd.

LEBUHRAYA KEMUNING – SHAH ALAM (LKSA)



LKSA atau nama penuh Lebuhraya Kemuning – Shah Alam (LKSA) atau Kemuning – Shah ALAM Highway telah beroperasi sejak 18 Mei 2010.

LKSA mempunyai jarak sepanjang 14.69 km. Projek Lintasan Shah Alam Sdn Bhd merupakan konsesi yang bertanggungjawab menyelengara laluan ini.

LEBUHRAYA BUTTERWORTH-KULIM (BKE)



Lebuhraya Butterworth-Kulim atau Butterworth – Kulim Expressway (BKE) terletak di Utara tanah air.

Laluan BKE ini berjarak 17.8 km dan telah dilancarkan pada 15 November 1996. Laluan ini berada di bawah seliaan Projek Lebuhraya Usahasama Berhad.

LEBUHRAYA SKIM PENYURAIAN TRAFIK LINGKARAN KAJANG (SILK)



Sejauh 37 km, Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Lingkaran Kajang atau Kajang Dispersal Link Expressway antara salah satu leburaya yang terdapat di semenanjung Malaysia.

Laluan yang sering dikenali dengan nama (SILK) ini telah dilancarkan sejak 16 Februari 2004. Ia merupakan projek Sistem Lingkaran Lebuhraya Kajang Sdn. Bhd.



LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-PUTRAJAYA (MEX)

Salah satu laluan dari ibu kota menghala ke pusat pentadbiran negara, Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX) atau Kuala Lumpur-Putrajaya Expressway ini mula beroperasi sejak 15 Januari 2008.

Dengan jarak 26 km, MEX merupakan projek Maju Expressway Sdn Bhd.



LEBUHRAYA KAJANG-SEREMBAN (LEKAS)

LEKAS atau atau nama panjangnya Lebuhraya Kajang-Seremban atau Kajang – Seremban Highway mempunyai jarak sepanjang 44.29 km. Laluan ini mula dibuka oleh Lebuhraya Kajang – Seremban Sdn Bhd pada tanggal 31 Disember 2008.

LEBUHRAYA SENAI-DESARU (SDE)



Bagi Lebuhraya Senai-Desaru atau Senai-Desaru Expressway (SDE) pula, lebuhraya ini mempunyai jarak sepanjang 77 km. Untuk pengetahuan, SDE telah dibuka pada 17 September 2009 di bawah projek 17 September 2009.

LEBUHRAYA SKIM PENYURAIAN TRAFIK KUALA LUMPUR BARAT (SPRINT)



Warga kota tentunya sudah terbiasa mendengar lebuhraya SPRINT. SPRINT merujuk kepada Lebuhraya Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat atau Sprint Expressway.

Laluan ini mempunyai jarak sepanjang 26 km dan mula beroperasi sejak 28 Ogos 2001. Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd menjadi konsesi yang bertanggungjawab pada lebuhraya ini.



LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KUALA SELANGOR (LATAR)

Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor (LATAR) atau Kuala Lumpur - Kuala Selangor Expressway mempunyai jarak sepanjang 33 km. Lebuhraya ini telah dibuka kepada umum pada 23 Jun 2011. Tambahan lagi, ia merupakan projek KL-Kuala Selangor Expressway Bhd.

LEBUHRAYA LEMBAH KLANG SELATAN (SKVE)



Bagi lebuhraya Lebuhraya Lembah Klang Selatan, singkatan SKVE bermaksud South Klang Valley Expressway.

Laluan berjarak 51.7 km ini telah dilancarkan pada 29 Jun 2010. SKVE tertakluk di bawah projek SKVE Holdings Sdn Bhd.



LEBUHRAYA SEREMBAN – PORT DICKSON (SPDH)

Lebuhraya Seremban – Port Dickson atau Seremban – Port Dickson Highway (SPDH) mempunyai jarak sepanjang 22.8 km.

Laluan ini antara yang tertua dibina apabila dilancarkan pada 1 Januari 1970. Ia merupakan Projek Lebuhraya Usahasama Berhad.

LEBUHRAYA JALAN PINTAS SELAT KLANG UTARA BARU (NNKSB)



Selain SKVE, Klang juga mempunyai lebuhraya lain iaitu, Lebuhraya Jalan Pintas Selat Klang Utara Baru atau New North Klang Straits Bypass (NNKSB).

Laluan ini mempunyai jarak sepanjang 17.5 km dan telah beroperasi pada 8 Januari 2005. Grand Sepadu (NK) Sdn. Bhd menjadi konsesi bagi NNKSB.

LEBUHRAYA DUTA-ULU KLANG (DUKE)



Lebuhraya Duta-Ulu Klang atau Duta – Ulu Klang Expressway (DUKE) merupakan lebuhraya raya sepanjang 18 km.

Laluan ini mula dibuka pada 30 April 2009 dengan konsesi di bawah Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KL) Sdn.Bhd.

LEBUHRAYA KORIDOR GUTHRIE (GCE)



Dengan laluan sepanjang 25 km, Lebuhraya Koridor Guthrie atau Guthrie Corridor Expressway (GCE) telah dibuka pada 15 Ogos 2009 lagi.

GCE merupakan projek PROLINTAS Expressway Sdn Bhd.



JAMBATAN PULAU PINANG (JPP)

Jambatan Pulau Pinang (JPP) atau Penang Bridge merupakan jambatan pertama yang menghubung dataran pulau itu yang dipisahkan oleh laut.

JPP mempunyai laluan berjarak 17.5 km dan telah dibuka pada 14 September 1985. Ia merupakan Projek Lebuhraya Usahasama Berhad.

JAMBATAN SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (JJP2)



Selain itu, Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah atau Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Bridge (Penang Second Bridge) dipanggil dengan nama JJP2.

JJP2 dibuka pada 3 Januari 2014 dengan laluan yang dibina sepanjang 24 km. Projek ini di bawah seliaan Jambatan Kedua Sdn Bhd.

SISTEM PENCURUSAN AIR BANJIR DAN TEROWONG (SMART)



Sistem Pengurusan Air Banjir Dan Terowong atau Stormwater Management And Road Tunnel (SMART) adalah projek Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn Bhd.

Laluan sepanjang 5 km ini telah dibuka pada tarikh 14 Mei 2007.

LEBUHRAYA PESISIRAN PANTAI BARAT (WCE)

Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (Banting-Taiping) atau West Coast Expressway (WCE) telah dibuka pada 24 Ogos 2019 secara berperingkat melibatkan 11 Seksyen.



Buat masa kini, hanya empat seksyen telah dibuka iaitu Seksyen 5 di Selangor dari susur NNKSB ke Persimpangan Bukit Raja Utara (Kapar), Seksyen 8 (dari Hutan Melintang ke Teluk Intan), Seksyen 9 dan Seksyen 10 (Lekir ke Beruas) di Perak.

Sementara itu, beberapa seksyen masih lagi dalam pembinaan dan empat seksyen dijangka siap menjelang tahun ini iaitu, Seksyen 6, Bandar Bukit Raja Utara (Kapar) – Assam Jawa, Seksyen 1 dan 2, Banting – SKVE – SAE (KESAS) dan Seksyen 11, Beruas – Taiping Selatan (sambungan ke Lebuhraya PLUS melalui Plaza Tol Changkat Jering).

Secara keseluruhannya, baki tiga lagi seksyen Lebuhraya WCE (Seksyen 3 dan 4 serta seksyen 7) dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2025.

Lebuhraya yang berjarak 320 km (termasuk bahagian jajaran yang dinaik taraf JKR antara Tanjung Karang ke Sabak Bernam di Selangor dan Teluk Intan ke Lekir di Perak) ini berada di bawah seliaan West Coast Expressway Sdn Bhd.